

# PEMANGKASAN PELEPAH SAWIT

Nur Hanani Mansor

Unit Pengembangan dan Latihan, Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan

## Pengenalan

Pemangkasan didefinisikan sebagai membuang pelepah yang mati, kering dan tua dari pokok sawit.

Pemangkasan bertujuan untuk menentukan bilangan pelepah yang tinggal di atas pokok sentiasa mencukupi untuk memberi indeks keluasan daun yang optimum. Ini kerana daun memainkan peranan penting untuk menjana makanan melalui proses fotosintesis. Selain itu, pemangkasan penting untuk melancarkan operasi penuaian.

## Faedah Pemangkasan

- Memudahkan penuaian (memotong tandan) dan penilaian buah masak untuk pokok tinggi selain mengelakkan buah relai tersangkut pada pelepah.
- Pemangkasan mengikut syor dapat menggalakkan pengeluaran bunga betina, mengurangkan pengeluaran bunga jantan, meningkatkan berat tandan dan sekali gus dapat meningkatkan pengeluaran.
- Bilangan pelepah yang optimum boleh meningkatkan proses fotosintesis dan memberi hasil buah tandan segar (BTS) yang tinggi.
- Mengurangkan kejadian tandan busuk terutama pada musim hujan yang disebabkan oleh kulat *Marasmius palmivorus*.

## Peralatan Pemangkasan

Pahat, sabit pemotong buah dengan galah aluminium atau mesin pencantas

(*mechanical harvester - Cantas*). Mesin pencantas menggunakan motor dapat menjimatkan masa serta tenaga buruh.

## Masa Pemangkasan

Pemangkasan boleh dilakukan setiap kali penuaian buah dilakukan manakala pemangkasan berkala dilakukan satu atau dua kali setahun.

## Teknik dan Kaedah Pemangkasan

Terdapat empat teknik dan kaedah pemangkasan iaitu:

**Langkah 1:** Tentukan pelepah yang hendak dipangkas.

**Langkah 2:** Potong pangkal pelepah seberapa rapat yang mungkin ke batang sawit.

**Langkah 3:** Susun pelepah yang dipangkas di barisan longgokan pelepah iaitu selang dua barisan pokok bagi kawasan tanah rata ke beralun. Bagi kawasan teres, susun pelepah di bahagian antara teres mengikut kontur.

**Langkah 4:** Susun pelepah selang seli supaya pelepah cepat reput.

## Kategori Pemangkasan

- Terlebihi Pangkas

**Definisi.** Bilangan pelepah yang dipangkas kurang daripada yang diperlukan (*Rajah 1*). Daripada kajian yang telah dijalankan, pemangkasan berlebihan boleh menjejaskan hasil pengeluaran BTS. Ini kerana pemangkasan berlebihan mempengaruhi pem-





*Rajah 1. Pokok sawit yang terlebih pangkas.*

bentukan jantina bunga, di mana pengeluaran bunga jantan lebih daripada pembentukan bunga betina. Kesan hasil BTS yang rendah akan berlaku dua tahun selepas pemangkasan berlebihan dibuat kerana pembentukan jantina bunga berlaku lebih kurang 20 hingga 24 bulan sebelum sesuatu tandan masak.

- Kurang Pangkas

**Definisi.** Keadaan di mana bilangan pelepah di atas pokok melebihi dari bilangan yang diperlukan mengikut umur sawit. *Rajah 2* dan *3* menunjukkan pokok sawit muda dan matang yang kurang pangkas. Kurang pangkas akan menyukarkan kerja penuaian (memotong tandan) dan penilaian buah masak untuk pokok tinggi serta menyebabkan buah relai tersangkut pada pelepah.

- Pemangkasan Mengikut Syor (*Rajah 4*)

**Definisi.** Meninggalkan bilangan pelepah yang optimum mengikut keperluan pokok (*Jadual 1*).



*Rajah 2. Pokok sawit muda yang kurang pangkas.*



*Rajah 3. Pokok sawit matang yang kurang pangkas.*



*Rajah 4. Pemangkasan pokok sawit mengikut syor.*

**JADUAL 1. SYOR PEMANGKASAN MENGIKUT UMUR POKOK**

Umur pokok	Pengesyoran pemangkasan
Kurang 4 tahun	Buang pelepah kering sahaja
4 -7 tahun	Simpan 48-56 pelepah/pokok (tinggalkan dua pelepah di bawah tandan hitam terakhir)
8-14 tahun	Simpan 40-48 pelepah/pokok (tinggalkan satu pelepah di bawah tandan hitam terakhir)
Melebihi 15 tahun	Simpan 32-40 pelepah/pokok (tinggalkan satu pelepah di bawah tandan hitam terakhir)

Nota: Pengesyoran dalam ( ) adalah sebagai panduan umum dan tidak sesuai dijadikan panduan semasa musim melawas (kurang buah).

### Perletakan Pelepah


Terdapat tiga cara susunan pelepah sawit.

#### Sistem Tiga Segi Sama

Pelepah sawit disusun lurus selang sebaris untuk tanah rata (Rajah 5) dan disusun selang-seli untuk tanah beralun bagi mengawal hakisan (Rajah 6).




Rajah 5. Susunan pelepah untuk tanah rata.



Rajah 6. Susunan pelepah untuk tanah beralun.

#### Sistem Tanaman Sawit Dua Baris Berkembar


Pelepah sawit disusun antara pokok apabila mengamalkan sistem tanaman sawit dua baris berkembar, bagi mengekalkan kawasan untuk integrasi tanaman (Rajah 7).



Rajah 7. Menunjukkan susunan pelepah apabila mengamalkan sistem dua baris berkembar.

## Untuk Kawasan Bukit/Teres

Pelepah sawit disusun pada hujung teres untuk mengelakkan hakisan tanah dan kehilangan baja antara pokok (*Rajah 8*).



*Rajah 8. Susunan pelepah untuk kawasan bukit/teres.*

### Cara Menyusun Pelepah

Elakkan himpunan pelepah terlalu tinggi. Himpun pelepah secara rendah supaya cepat reput (*Rajah 9*). Pelepah yang reput dapat meningkatkan bahan organik dan nutrien atau unsur pemakanan dalam tanah. Selain itu, ia juga dapat memelihara dan memperbaiki kelembapan tanah di samping mengurangkan hakisan terutamanya di kawasan berbukit. Kawasan peletakan pelepah akan dapat menggalakkan pertumbuhan akar sawit kesan daripada kelembapan tanah dan bahan organik yang mereput.

### Kesimpulan

Pemangkasan mengikut syor penting untuk mendapatkan hasil BTS yang tinggi. Oleh itu, penanam sawit harus peka terhadap bilangan pelepah yang optimum iaitu dengan menyimpan bilangan pelepah mengikut syor. Pemangkasan mengikut syor akan memudahkan operasi penuaian dijalankan dengan sempurna dan menyumbang kepada peningkatan hasil pekebun kecil.



*Rajah 9. Susunan pelepah sawit yang baik.*

### Rujukan

ESNAN AB GHANI; MOHD TAYEB DOLMAT dan MOHD BASRI WAHID (2004). *Manual Penanaman dan Penyelenggaraan Sawit untuk Sektor Pekebun Kecil*. MPOB, Bangi.

ESNAN AB GHANI; ZIN ZAWAWI ZAKARIA dan MOHD BASRI WAHID (2004). *Perusahaan Sawit di Malaysia – Satu Panduan*. Edisi Milenium. MPOB.

SUBOH ISMAIL (1995). Pemangkasan pelepah kelapa sawit. *Berita Sawit Bil. 6/1995*. MPOB, Bangi.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi:

Unit Pengembangan dan Latihan,  
Bahagian Penyelidikan Integrasi dan Pengembangan,  
Lembaga Minyak Sawit Malaysia,  
6, Persiaran Intitusi, Bandar Baru Bangi,  
43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-8769 4400  
Faks: 03-8925 9642

Talian Hotline: 03-8925 1122